

GARIS

PANDUAN

PEMELIHARAAN

HIDUPAN LIAR



GARIS PANDUAN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN.....	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	PRINSIP PENGURUSAN KEBAJIKAN HIDUPAN LIAR PELIHARAAN.....	2
4.0	KOD ETIKA.....	2
5.0	TAFSIRAN.....	3
6.0	TUJUAN DAN POTENSI PEMELIHARAAN.....	4
7.0	PERMOHONAN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR KESAYANGAN.....	5
8.0	TATACARA PERMOHONAN.....	6
9.0	KEBAJIKAN HIDUPAN LIAR PELIHARAAN.....	8
9.1	Penempatan Hidupan Liar.....	8
9.2	Pemakanan.....	8
9.3	Minuman.....	9
9.4	Pemeriksaan Kesihatan.....	10
9.5	Pengendalian Hidupan liar Peliharaan Tercedera.....	11
9.6	Euthanasia.....	11
9.7	Serahan Hidupan Liar Kesayangan.....	11
10.0	REKOD HIDUPAN LIAR PELIHARAAN.....	12
11.0	KEBERSIHAN PREMIS PELIHARAAN.....	12
11.1	Pembersihan dan Nyahkuman.....	12
11.2	Pembuangan Sisa.....	13
11.3	Pelupusan Bangkai.....	14
11.4	Kawalan Hidupan Liar Perosak.....	14
12.0	PENYELENGGARAAN FASILITI.....	14
12.1	Suhu Persekitaran.....	14
12.2	Sistem Pengudaraan.....	15
12.3	Pencahayaan.....	16
12.4	Kurungan Hidupan liar Peliharaan.....	17

1.0 PENDAHULUAN

Garis Panduan Pemeliharaan Hidupan Liar ini akan membantu pemeliharaan hidupan liar peliharaan orang perseorangan dalam memastikan kebajikan dan husbandri hidupan liar peliharaan terjamin.

Garis panduan ini sejajar dengan peruntukan yang terkandung di dalam Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] di bawah penguatkuasaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di Semenanjung Malaysia.

2.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini diwujudkan untuk menggalakkan pemilikan bertanggungjawab dan amalan terbaik pemeliharaan hidupan liar kesayangan dengan;

- 2.1 memberi kesedaran berkaitan pemilikan hidupan liar sebagai hidupan liar kesayangan berkaitan;
 - 2.1.1 Tujuan memelihara hidupan liar kesayangan
 - 2.1.2 Potensi dan persediaan pemilikan hidupan liar kesayangan
 - 2.1.3 Etika dan tanggung jawab memelihara hidupan liar kesayangan
 - 2.1.4 Tatacara memelihara hidupan liar kesayangan
- 2.2 memelihara hidupan liar peliharaan mengikut piawaian pengurusan terbaik hidupan liar peliharaan di dalam premis seperti kebajikan hidupan liar, saiz minimum kurungan, rekabentuk kurungan, kebersihan, keselamatan hidupan liar - manusia, persekitaran serta makanan dan minuman hidupan liar yang dipelihara.
- 2.3 menggariskan kod amalan etika pengurusan dan kebajikan hidupan liar kesayangan di dalam premis kediaman.

3.0 PRINSIP PENGURUSAN KEBAJIKAN HIDUPAN LIAR PELIHARAAN

Hidupan liar peliharaan hendaklah dipastikan bebas daripada penyakit, parasit, kecederaan dan dalam keadaan sihat serta menunjukkan tabiat semulajadi.

Pemeliharaan hidupan liar peliharaan dilarang dari menjual, menderma, mengambil atau melepaskan ke persekitaran hidupan liar yang menunjukkan simptom atau disyaki mempunyai jangkitan, penyakit, parasit, kecederaan atau tidak normal dan tidak dikehendaki lagi.

Pemeliharaan hidupan liar peliharaan perlu mempunyai semua permit/lesen yang diperlukan bagi menyimpan hidupan liar seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

4.0 KOD ETIKA

Seseorang individu yang menyimpan hidupan liar kesayangan di dalam kurungan hendaklah mengamalkan kod-kod etika pemeliharaan hidupan liar kesayangan terbaik seperti berikut:

- 4.1 Kebajikan hidupan liar kesayangan di dalam kurungan hendaklah diutamakan sepanjang pemilikan.
- 4.2 Hidupan liar kesayangan perlu diberikan kebebasan untuk menunjukkan perilaku semula jadi.
- 4.3 Interaksi dengan hidupan liar kesayangan mestilah mengelakkan unsur paksaan atau deraan serta tidak mengakibatkan trauma dan ketakutan.
- 4.4 Hidupan liar kesayangan yang berada di dalam kawasan kurungan hendaklah diberi ruang yang mencukupi dan *furniture* yang bersesuaian untuk membolehkan hidupan liar menunjukkan perilaku semula jadi.
- 4.5 Pemakanan mestilah mengikut tabiat pemakanan, memenuhi keperluan diet dan mencukupi bagi hidupan liar tersebut.

5.0 TAFSIRAN

“Hidupan liar” ertinya mana-mana spesies hidupan liar yang disenaraikan di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

“Hidupan liar kesayangan” ertinya mana-mana spesies hidupan liar yang dipelihara oleh individu perseorangan yang bersifat peribadi dan bukan komersil, serta mendapat lesen pemilikan daripada Jabatan PERHILITAN.

“Pemelihara hidupan liar” ertinya mana-mana individu perseorangan menjalankan aktiviti menyimpan hidupan liar di tempat kediamannya atau mana-mana premisnya seperti yang dinyatakan di dalam lesen.

“Premis pemelihara hidupan liar” ertinya suatu tempat kediamannya atau premis yang hidupan liar disimpan untuk tujuan memelihara hidupan liar.

“Permit” ertinya permit yang diberikan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

“Permit Khas” ertinya permit khas yang diberikan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

“Lesen” ertinya lesen yang diberikan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

“CITES” ertinya *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora*.

6.0 TUJUAN DAN POTENSI MEMELIHARA

Seseorang individu yang ingin memelihara hidupan liar kesayangan perlu mempunyai tujuan yang jelas dan komitmen yang tinggi bagi mengelakkan berlakunya penganiayaan dan pembuangan hidupan liar. Beberapa perkara perlu diambil kira seperti:

- 6.1 Mendapat persetujuan daripada ahli keluarga (jika tinggal bersama ahli keluarga) atau rakan serumah (jika tinggal bersama rakan) dan pengurusan premis.
- 6.2 Bersedia untuk menjaga seumur hidup hidupan liar kesayangan.
- 6.3 Bersedia untuk menampung kos rawatan veterinar, makanan dan aksesori berkaitan.

- 6.4 Bersedia meluangkan masa secara tetap terhadap hidupan liar kesayangan.
- 6.5 Bersedia menyediakan ruang yang mencukupi untuk hidupan liar kesayangan.
- 6.6 Bersedia untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan berkaitan hidupan liar kesayangan yang dipelihara bagi membolehkan penjagaan yang terbaik.

7.0 PERMOHONAN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR KESAYANGAN

Permohonan pemeliharaan hidupan liar kesayangan hendaklah mengikut syarat yang digariskan sepertimana yang tertakluk di bawah Akta 716 supaya hidupan liar peliharaan perlu memenuhi kehendak setiap perkara di dalam Garis Panduan ini supaya kebajikan hidupan liar peliharaan terjamin.

Setiap permohonan memelihara hidupan liar perlu dikemukakan kepada Pejabat Jabatan PERHILITAN yang berdekatan.

Pemeliharaan hidupan liar kesayangan boleh dibenarkan jika Jabatan PERHILITAN berpuas hati bahawa pemeliharaan hidupan liar berkenaan mempunyai resit belian yang sah daripada permis perniagaan hidupan liar yang berdaftar dengan Jabatan PERHILITAN dan kesesuaian tempat memelihara hidupan liar berkenaan.

Syarat-syarat permohonan pemeliharaan hidupan liar kesayangan adalah;

- 7.1 Semua permohonan perlu menggunakan borang permohonan yang boleh diperolehi di Pejabat PERHILITAN negeri, Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN atau di Laman Sesawang Rasmi Jabatan PERHILITAN.
- 7.2 Setiap pemeliharaan hidupan liar perlu mempunyai permit khas atau lesen yang diperlukan bagi menyimpan / memiliki / memelihara / menempat / mengurung / hidupan liar peliharaan.
- 7.3 Setiap pemeliharaan hidupan liar hanya dibenarkan untuk melakukan pemeliharaan hidupan liar peliharaan di alamat tercatat dalam kelulusan sahaja.
- 7.4 Setiap pemeliharaan hidupan liar perlu melakukan penandaan mikrochip atau gelang.
- 7.5 Hanya hidupan yang disenaraikan di lampiran 4 sahaja yang dibenarkan untuk dipelihara.

Berikut adalah kriteria yang perlu ada pada satu-satu permohonan;

- 7.6 Pemohon mestilah mempunyai permit khas atau lesen yang diperlukan bagi menyimpan/memiliki/memelihara/menempat/mengurung/ semua hidupan liar peliharaan.
- 7.7 Pemohon telah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Pengurusan Pangsapuri atau Kediaman bagi pemohon yang menduduki pangsapuri.
- 7.8 Resit pembelian hendaklah disertakan semasa permohonan.
- 7.9 Hidupan liar yang akan dipelihara mestilah ditandakan seperti yang dinyatakan di bawah Akta 716.

8.0 TATACARA PERMOHONAN

Tatacara permohonan bagi hidupan liar yang diperindungi (berlesen) dan hidupan liar yang diperindungi sepenuhnya (permit khas) di bawah Akta 716 adalah seperti berikut;

8.1 Lesen

- 8.1.1 Pemohon mendapatkan borang permohonan dari Pejabat PERHILITAN Negeri atau boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan PERHILITAN (www.wildlife.gov.my) (Lampiran 1).
- 8.1.2 Pemohon mengisi dengan lengkap borang permohonan dan menyertakan bersama :
 - a) Kad Pengenalan.
 - b) Resit pembelian hidupan liar yang sah.
 - c) Sijil penandaan hidupan liar dari klinik yang berdaftar dengan Jabatan PERHILITAN.
 - d) Bil elektrik atau bil air untuk tujuan pengesahan alamat.
 - e) Salinan surat kebenaran daripada Pihak Pengurusan Pangsapuri atau Kediaman bagi pemohon yang menduduki pangsapuri.
- 8.1.3 Pemohon menghantar borang permohonan yang telah lengkap ke Pejabat Perhilitan Negeri untuk diproses.

- 8.1.4 Pihak Jabatan PERHILITAN akan memeriksa hidupan liar sekiranya terdapat keraguan sebelum lesen dikeluarkan.
- 8.1.5 Bagi permohonan spesies di bawah CITES, pemeriksaan no CITES perlu dilakukan terlebih dahulu.
- 8.1.6 Bayaran fi perlu dilakukan bergantung kepada spesies dan bilangan seperti yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Fi Lesen, Permit dan Permit Khas) 2013.
- 8.1.7 Sekiranya semua permohonan lengkap, lesen akan dikeluarkan.
- 8.1.8 Tempoh lesen seperti yang ditentukan pada lesen yang dikeluarkan.

8.2 Permit Khas

- 8.2.1 Pemohon mendapatkan borang permohonan dari Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN atau boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan PERHILITAN (www.wildlife.gov.my) (Lampiran 1).
- 8.2.2 Pemohon mengisi dengan lengkap borang permohonan dan menyertakan bersama :
 - a) Kad Pengenalan.
 - b) Kertas cadangan permohonan permit khas berserta tujuan permohonan.
 - c) Bil elektrik atau bil air untuk tujuan pengesahan alamat.
- 8.2.3 Pemohon menghantar borang permohonan yang telah lengkap ke Pejabat PERHILITAN Negeri / Ibu Pejabat untuk diproses.
- 8.2.4 Bayaran fi perlu dilakukan selepas surat kelulusan daripada Jabatan PERHILITAN dikeluarkan. Kadar fi bergantung kepada spesies dan bilangan seperti yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Fi Lesen, Permit dan Permit Khas) 2013.
- 8.2.5 Tempoh permit khas seperti yang ditentukan pada permit khas yang dikeluarkan.

9.0 KEBAJIKAN HIDUPAN LIAR PELIHARAAN

9.1 Amalan Am

Kebajikan hidupan liar perlu diutamakan melalui amalan-amalan berikut:

- 9.1.1 Penempatan hidupan liar peliharaan hendaklah tidak menyebabkan stres. Elakkan daripada menempatkan hidupan liar di kawasan yang terdedah kepada perubahan suhu yang mendadak, suhu dan iklim yang tidak bersesuaian, bunyi bising, busuk, dan persekitaran tidak selamat.
- 9.1.2 Hidupan liar peliharaan perlu dilindungi daripada stres atau kecederaan yang disebabkan oleh hidupan liar lain atau akibat sentuhan berlebihan.
- 9.1.3 Hidupan liar peliharaan perlu ditempatkan di dalam kurungan yang bersesuaian dengan saiz dan spesies hidupan liar tersebut (Lampiran 3).
- 9.1.4 Hidupan liar sosial digalakkan hidup bersama boleh ditempatkan dalam satu (1) kurungan dengan mengambil kira perkara seperti spesies, umur, keadaan, saiz, jantina dan kecenderungan perilaku.
- 9.1.5 Kurungan dan peralatan yang digunakan mestilah mengurangkan risiko kecederaan atau penyakit kepada hidupan liar peliharaan.
- 9.1.6 Kurungan hidupan liar peliharaan perlu mempunyai peralatan bersesuaian (*furniture*) bagi menggalakkan kehidupan mengikut tabiat semulajadi, tempat perlindungan dan habitat hidupan liar tersebut.

9.2 Pemakanan

- 9.2.1 Makanan yang disediakan kepada hidupan liar peliharaan mestilah mengandungi semua zat dan nutrisi yang diperlukan. Makanan yang diberi perlu dipastikan tidak tercemar, disediakan dalam bentuk palet dan diberi dalam kuantiti yang mencukupi bagi mengekalkan kesihatan hidupan liar peliharaan.
- 9.2.2 Hidupan liar peliharaan perlu diberi makan dengan mengambil kira spesies, umur, keadaan, saiz dan jantina

hidupan liar tersebut. Kekerapan dan jumlah pemberian makanan berbeza mengikut spesies.

- 9.2.3 Hidupan liar peliharaan kecuali spesies amfibia dan reptilia hendaklah diberi makanan sekurang-kurangnya sekali sehari termasuk pada hujung minggu kecuali hidupan liar tidak memerlukan makanan seperti sewaktu hibernasi dan rawatan.
- 9.2.4 Makanan hendaklah disimpan supaya tidak mudah rosak dan tercemar oleh vektor penyakit seperti *rodent* dan serangga.
- 9.2.5 Makanan yang mudah rosak perlu dimasukkan ke dalam peti sejuk pada suhu yang bersesuaian.
- 9.2.6 Makanan perlu dihidangkan menggunakan bekas makanan, pinggan atau pinggan pakai buang yang dinyahkuman.
- 9.2.7 Bekas makanan dan pinggan perlu dinyahkuman sekurang-kurangnya sekali sehari atau sekerap yang diperlukan. Bekas makan atau minum jenis *self-feeders* perlu kerap dibersihkan untuk mengelakkan makanan tercemar.
- 9.2.8 Makanan yang telah rosak perlu dibuang segera dari kurungan dan bekas makanan perlu dinyahkuman untuk mengelakkan makanan baru mudah rosak.

9.3 Minuman

- 9.3.1 Hidupan liar peliharaan kecuali spesies akuatik hendaklah diberi minuman sekurang-kurangnya setiap 12 jam kecuali hidupan liar tidak memerlukan minuman seperti sewaktu hibernasi dan rawatan.
- 9.3.2 Minuman yang mencukupi hendaklah dibekalkan mengikut keperluan spesies.
- 9.3.3 Bekas minuman hendaklah ditempatkan di kawasan yang mudah dicapai hidupan liar dan dipastikan kedudukannya tidak mudah tumpah, tidak terdedah kepada suhu yang tinggi, pencemaran dan digunakan oleh hidupan liar lain.
- 9.3.4 Minuman hendaklah disediakan menggunakan bekas minuman yang dinyahkuman.

- 9.3.5 Bekas minuman hendaklah dinyahkuman sekurang-kurangnya sekali sehari. Puting botol minuman hendaklah dibersihkan selalu untuk mengelakkan kotoran dan alga daripada terkumpul.
- 9.3.6 Puting botol minuman hendaklah dinyahkuman sebelum hidupan liar peliharaan yang baru dimasukkan ke kurungan utama.

9.4 Pemeriksaan Kesihatan

- 9.4.1 Pemeliharaan hidupan liar peliharaan hendaklah menghantar hidupan liar kepada doktor veterinar dalam tempoh sekurang-kurang 6 bulan sekali untuk pemeriksaan am keadaan kesihatan hidupan liar peliharaan.
- 9.4.2 Hidupan liar peliharaan mestilah diperhatikan sama ada:
- a) menunjukkan perilaku abnormal (berdasarkan spesies, umur dan jantina);
 - b) kelesuan;
 - c) kurang selera makan atau tidak makan;
 - d) kehilangan berat badan;
 - e) cirit-birit;
 - f) pengeluaran cecair dari mata atau hidung;
 - g) konjunktivitis;
 - h) sesak nafas;
 - i) kadar pernafasan kencang;
 - j) batuk;
 - k) radang kulit;
 - l) keguguran bulu badan yang melampau;
 - m) jangkitan kutu dan parasit.
- 9.4.3 Sebarang tanda penyakit (seperti perkara ii di atas), kesakitan atau kecederaan hendaklah segera dirujuk kepada pegawai veterinar.
- 9.4.4 Rekod kesihatan perlu disimpan bagi memudahkan pemeriksaan kesihatan hidupan liar.

9.5 Rawatan Hidupan liar Peliharaan Tercedera

- 9.5.1 Rawatan segera hendaklah diberikan kepada hidupan liar peliharaan yang sakit dan cedera untuk memastikan kesihatannya dan mengelakkan sebaran penyakit.
- 9.5.2 Tindakan yang bersesuaian perlu diambil untuk melindungi orang ramai atau keluarga apabila hidupan liar peliharaan disyaki sakit kerana penyakit, kecederaan atau distres.
- 9.5.3 Hidupan liar peliharaan yang disyaki mengalami penyakit berjangkit hendaklah diasingkan dari kawasan kediaman dan hidupan liar peliharaan lain serta diberikan rawatan. Hidupan liar tersebut perlu diasingkan sehingga ia pulih sepenuhnya atau dibawa kepada doktor veterinar untuk menerima rawatan.
- 9.5.4 Hidupan liar peliharaan yang diasingkan perlu diperhatikan sehingga ia pulih sepenuhnya.
- 9.5.5 Pemeliharaan hidupan liar peliharaan perlu melaporkan segera penyakit wajib lapor (Lampiran 5) kepada Jabatan Veterinar.

9.6 Euthanasia

- 9.6.1 Hidupan liar peliharaan yang didapati mengalami kecacatan anggota atau kesakitan yang tidak sembuh hendaklah segera diperiksa oleh pegawai veterinar.
- 9.6.2 Jika hidupan liar tersebut didapati tidak mempunyai harapan untuk sembuh atau mempunyai kecacatan kekal, ia hendaklah dimatikan secara euthanasia mengikut khidmat nasihat doktor veterinar.

9.7 Serahan Hidupan Liar Kesayangan

- 9.7.1 Jika seseorang individu sudah tidak sanggup untuk menjaga hidupan liar kesayangan, adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk menyerahkan hidupan liar tersebut kepada Jabatan PERHILITAN termasuk dokumen-dokumen berkaitan (lesen, rekod kesihatan, resit).

10.0 REKOD HIDUPAN LIAR PELIHARAAN

Adalah disyorkan satu rekod bertulis tentang sejarah hidupan liar tersebut dan kesihatannya disimpan. Rekod ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- 10.1 nama saintifik dan nama tempatan;
- 10.2 tarikh lahir/perolehan/pelihara;
- 10.3 nama dan alamat pemeliharaan terdahulu;
- 10.4 no. tag, mikrochip atau gelang perlu digunakan sebagai pengenalpastian;
- 10.5 semua vaksin yang dijadualkan untuk hidupan liar tersebut, termasuk tarikh dan sumber vaksin;
- 10.6 rekod kesihatan hidupan liar peliharaan hendaklah disimpan.

11.0 KEBERSIHAN PREMIS PEMELIHARAAN

11.1 Pembersihan Dan Nyahkuman

- 11.1.1 Dinding dan lantai penempatan hidupan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan baik untuk memastikan kesihatan dan keselamatan hidupan liar peliharaan dan kakitangan.
- 11.1.2 Sisa kumbahan mesti dibuang daripada kurungan utama sekerap yang boleh untuk mengurangkan bahaya penyakit (contohnya jangkitan *Salmonella*) dan mengurangkan masalah bau.
- 11.1.3 Semasa pembersihan kurungan, hidupan liar peliharaan hendaklah dipindahkan ke kurungan lain atau diletakkan di bawah pelindung untuk mengelakkan daripada terkena semburan air.
- 11.1.4 Kawasan kurungan, pameran, jualan dan simpanan hendaklah dibersihkan dan dinyahkuman selalu untuk mengurangkan risiko rodent, patogen dan parasit.
- 11.1.5 Semasa kerja-kerja pembersihan kurungan, semua alatan di dalam kurungan (seperti roda, tangga, bola dan tumbuhan tiruan) hendaklah turut dibersihkan.

- 11.1.6 Penggunaan detergen dan pembasmi kuman untuk pembersihan adalah digalakkan.

11.2 Pembuangan Sisa

- 11.2.1 Sisa makanan, sisa kumbahan hidupan liar, alatan tempat tidur yang telah digunakan, bangkai hidupan liar dan sampah hendaklah dibuang dari kurungan.
- 11.2.2 Tong pengumpulan sisa perlu ditempatkan jauh daripada kurungan hidupan liar peliharaan dan bukan kawasan tumpuan orang ramai.
- 11.2.3 Peralatan fasiliti hendaklah sentiasa diselenggara dengan baik untuk mengurangkan risiko pencemaran dan penyebaran penyakit oleh rodent dan serangga.
- 11.2.4 Kaedah dan fasiliti pembuangan sisa hendaklah merujuk dan selaras dengan keperluan perundangan berkaitan.

11.3 Pelupusan Bangkai

- 11.3.1 Pemeliharaan hidupan liar peliharaan hendaklah melupuskan bangkai hidupan liar peliharaan mengikut Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pelupusan) 2013.
- 11.3.2 Taksidermi dan pengawetan keseluruhan atau sebahagian hidupan liar peliharaan hanya boleh dilakukan setelah memperolehi lesen dari Jabatan PERHILITAN. Pemberian sebagai hadiah atau jualan kepada pihak lain adalah dilarang.

11.4 Kawalan Hidupan liar Perosak

- 11.4.1 Pemeliharaan hidupan liar peliharaan hendaklah menjalankan program pencegahan dan pengawalan serangga perosak, *rodent* dan ektoparasit.
- 11.4.2 Pemeliharaan hidupan liar peliharaan hendaklah mendapatkan khidmat dari pakar pengawal hidupan liar perosak semasa menilai operasi kawalan hidupan liar perosak.

- 11.4.3 Bahan kimia atau bahan-bahan mengawal hidupan liar perosak hendaklah digunakan mengikut arahan penggunaan daripada pengilang.
- 11.4.4 Perolehan, penggunaan dan penyimpanan bahan kimia atau bahan-bahan beracun perlu selaras dengan keperluan perundangan berkaitan.

12.0 PENYELENGGARAAN FASILITI

12.1 Suhu Persekitaran

- 12.1.1 Persekitaran dalam premis hendaklah ditetapkan pada suhu minima 24°C dan suhu maksima 30°C.
- 12.1.2 Pelindung yang berkesan hendaklah disediakan untuk menghalang cahaya matahari secara terus kepada hidupan liar peliharaan samada melalui tingkap atau semasa berada di persekitaran luar bangunan.

12.2 Sistem Pengudaraan

- 12.2.1 Premis mestilah mempunyai pengaliran udara untuk:
 - a) pengaliran keluar udara kotor yang merbahaya dan berbau;
 - b) meminimakan kelembapan udara;
 - c) meminimakan pendedahan hidupan liar peliharaan kepada pencemaran bunyi.
- 12.2.2 Kurungan hidupan liar juga mesti terdapat pengaliran udara yang sesuai.

12.3 Pencahayaan

- 12.3.1 Setiap ruang di dalam premis hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi untuk memudahkan pekerja memantau hidupan liar peliharaan dalam kurungan dan pembersihan premis.


- 12.3.2 Penggunaan pencahayaan yang minima dan efisien adalah perlu dalam memenuhi keperluan hidupan liar di samping mengurangkan kos dan impak ke atas alam sekitar.
- 12.3.3 Pencahayaan hendaklah dikekalkan pada kadar mencukupi bagi mengekalkan kesihatan hidupan liar pada tahap normal, perilaku serta stimulasi semua hidupan liar peliharaan. Pencahayaan tambahan hendaklah diberikan kepada individu akuatik dan spesies terappin sekiranya perlu. Tempat perlindungan hendaklah disediakan bagi spesies yang memerlukan pencahayaan yang sedikit.
- 12.3.4 Pencahayaan hendaklah dikurangkan pada waktu malam.

12.4 Kurungan Hidupan liar Peliharaan


- 12.4.1 Kurungan hidupan liar peliharaan hendaklah menyediakan ruang yang mencukupi bagi hidupan liar melakukan perilaku semula jadi dan bersesuaian dengan spesies (jenis, umur dan jantina spesies).
- 12.4.2 Kurungan hidupan liar peliharaan hendaklah sentiasa berkeadaan bersih.
- 12.4.3 Dinding dan lantai kurungan hendaklah dibina daripada bahan yang tidak menyerap kelembapan dan berongga.
- 12.4.4 Air lebihan hendaklah dibersihkan bagi memastikan tiada air yang terkumpul di bawah peralatan, bahagian premis atau di kawasan kurungan hidupan liar peliharaan.
- 12.4.5 Reka bentuk kurungan hendaklah bersesuaian bagi memudahkan pekerja memberi makanan, minuman serta memantau hidupan liar peliharaan.
- 12.4.6 Kurungan hendaklah sentiasa dipastikan dalam keadaan baik bagi mengelakkan berlakunya kecederaan atau hidupan liar peliharaan terlepas.

Lampiran 1

Carta Permohonan Lesen Pemeliharaan Hidupan liar Peliharaan



Lampiran 2

		JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) www.wildlife.gov.my		<i>Sila kepitkan satu keping gambar ukuran pasport</i>	
BORANG PERMOHONAN LESEN / PERMIT				No. K/P: <input style="width: 100px;" type="text"/>	
A. Maklumat Pemohon					
Nama :			Alamat Surat Menyurat		
No. Telefon :			Alamat E-mel :		
B. Jenis Permohonan Lesen / Permit					
JENIS LESEN YANG DIPOHON			JENIS PERMIT YANG DIPOHON		
<input type="checkbox"/> Memburu atau mengambil hidupan liar No. Lesen Senjata Api :		<input type="checkbox"/> Memungut sarang burung	<input type="checkbox"/> Mengendalikan Zoo Alamat premis :		
<input type="checkbox"/> Menyimpan bahagian atau terbitan hidupan liar		<input type="checkbox"/> Mengimport hidupan liar Melalui :	<input type="checkbox"/> Pembalakan dalam Kurungan Komersial Alamat premis :		
<input type="checkbox"/> Menjalankan urusan berniaga (Sila isi ruangan C)		<input type="checkbox"/> Mengeksport hidupan liar Melalui :	<input type="checkbox"/> Mengendalikan Sarkas atau Pameran Hidupan Liar Alamat premis :		
<input type="checkbox"/> Menjalankan perniagaan taksidermi (Sila isi ruangan C)		<input type="checkbox"/> Mengeksport semua hidupan liar Melalui :	<input type="checkbox"/> Menjalankan Penyelidikan ke atas Hidupan Liar Alamat premis :		
C. Jenis Perniagaan (Bagi LESEN Berniaga dan Taksidermi SAHAJA)					
<input type="checkbox"/> Menjual mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau bahagian atau terbitan hidupan liar sebagai makanan atau bagi maksud perubatan <input type="checkbox"/> Menjual atau membeli untuk dijual semula bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar <input type="checkbox"/> Menempat, mengurung atau membiakkan mana-mana hidupan liar untuk dijual <input type="checkbox"/> Menyediakan, mengawet, mengisi atau meletakkan hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar <input type="checkbox"/> Membuat atau mencipta suatu barang atau benda daripada hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar					
D. Maklumat Spesies Hidupan Liar					
No	Nama Saintifik / Nama Tempatan	Jantina	No. Penandaan	Sumber	
1					
2					
3					
4					
5					
** Sila lampirkan sekranya ruangan tidak mencukupi					
Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.			Tandatangan / Cap Jari Pemohon:		Tarikh

E. Senarai Semak Pemohon

PERMOHONAN LESEN

- Salinan Kad pengenalan / Pasport
- Gambar Pemohon

Lesen Memburu / Mengambil:

- Lesen Senjata Api

Lesen Menyimpan:

- Salinan Resit Pembelian

Lesen Peniaga / Takaldermi :

- Salinan Sijil Pendaftaran Peniagaan
- Salinan Surat PST

Lesen Import /Eksport/Eksport Semula

- Salinan Sijil Pendaftaran Peniagaan
- Salinan CITES
- Senarai spesies

PERMOHONAN PERMIT

- Salinan Kad pengenalan / Pasport
- Gambar Pemohon

Zoo

- Salinan Surat Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan

Pembiakbakaan

- Salinan Surat Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan
- Salinan Sijil Pendaftaran Peniagaan

Sarkas atau Pameran

- Salinan Surat Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan
- Jadual Pertunjukkan (Tarikh, Tempat dan Tempoh)

Penyelidikan

- Surat Sokongan IPT/agensi (Tempatan)
- Surat Kelulusan dari EPU (Luar Negara)

F. Kegunaan Jabatan

Untuk Pengarah Negeri

- SOKONG
- TIDAK SOKONG

Catatan

Tandatangan

NAMA :

TARIKH :

Untuk Ketua Pengarah

- LULUS
- TIDAK LULUS

Catatan

Tandatangan

NAMA :

TARIKH :

Lampiran 3

Saiz Kurungan

A. Mamalia

Kategori Spesies (Famili)	Keluasan (seekor) (m ²)	Tinggi (seekor) (m)
Petauridae (Sugar Glider)	0.5	0.5
Phalangeridae (Cuscus)	0.6	0.5
Talpidae (Himalayan Mole)	0.4	0.3
Cebidae (Marmoset, Tamarin dan Squirrel Monkeys)	0.8	0.5
Lorisidae (Potto, Angwantibo dan Loris)	1	0.8
Pitheciidae (Titi dan Saki)	0.7	0.5

B. Reptilia dan Amfibia

Spesies hidupan liar	Saiz minimum kurungan	Saiz minimum kawasan berair di dalam kurungan
Iguanas, Chameleons, Lizards	Keluasan lantai 1 ½ kali panjang badan	Satu per tiga keluasan kurungan
Ular (panjang badan kurang 1.8 m) (Ball Python, Burmese Python, Boas dan Blood Python)	Keluasan kurungan 1 ½ kali panjang badan	-
Ular (panjang badan melebihi 1.8 m) (Python)	Keluasan kurungan 2 kali panjang badan	-
Kura-kura, tuntung, labi-labi (Indian Star Tortoise, Burmese Star Tortoise, Malaysian Giant Turtle, Snapping Turtle, River	Keluasan 5 kali saiz badan	Separuh kawasan lantai

Terrapin dan Southeast Asian Box Turtle)		
Amfibia (katak dan kodok)	Keluasan 50cm x 25cm x 30cm (Tambahan 0.5 m ³ bagi tambahan setiap ekor)	Satu per tiga bahagian ditutupi air
Arachnida	Keluasan 50cm x 25cm x 30cm (Tambahan 0.5 m ³ bagi tambahan setiap ekor)	-

C. Burung

Jenis Burung	Bilangan Burung (ekor)	Keluasan Lantai (m ²)	Ketinggian Minima (m)	Pertambahan Keluasan Untuk Tambahan Setiap Ekor Burung (m ²)
Fife Canaries, Java Sparrow, Love Bird, Finches (Zebra, Cubans ,Double Bars, Orange Breasted Waxbill).	6	0.5	1	0.4
Tiong, Parakeets (Neophemas), Lorikeets (Red Crowned, Musk), Yorkshire Canaries.	10	1.6	0.5	0.1
Rainbow Lorikeets, Bronze Wing Pigeons, Parrot (Grey, Rosella, Sun Conure).	10	6	1	0.1
Ringneck Parakeets, Parrot (Yellow Headed, King, Princess, Superb), Cockatoos (Galahs, Corellas).	4	6	1	0.5
Sulphur Crested	3	6	1	1

Cockatoos				
-----------	--	--	--	--

Mana-mana famili, genera atau spesies hidupan liar yang tidak tersenarai di atas boleh merujuk kepada ukuran saiz kurungan mamalia dan burung yang berhampiran dari segi saiz.

Lampiran 4

Senarai spesies hidupan liar yang boleh dipelihara

A. Mamalia

Famili	Nama Tempatan	Spesies
Viverridae	Musang Pulut	<i>Paradoxurus hermaphroditus</i>
Petauridae	Sugar Glider	<i>Petaurus breviceps</i>
Phalangeridae	Cuscus	<i>Phalanger</i> spp.
	Cuscus	<i>Spilocuscus</i> spp.
Talpidae	Himalayan Mole	<i>Euroscaptor micrura</i>
Cebidae	Marmoset	<i>Callithrix</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Capuchins	<i>Cebus</i> spp.
	Spix's Saddle-backed Tamarin	<i>Saguinus fuscicollis</i>
	Emperor Tamarin	<i>Saguinus imperator</i>
	Mottle-faced Tamarin	<i>Saguinus inustus</i>
	Geoffrey's Moustached Tamarin	<i>Saguinus labiatus</i>
	Red-headed Tamarin	<i>Saguinus midas</i>
	Spix's Moustached Tamarin	<i>Saguinus mystax</i>
	Spix's Black-mantle Tamarin	<i>Saguinus nigricollis</i>
	Tamarins	<i>Saguinus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Squirrel Monkeys	<i>Saimiri</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
Lorisidae	Golden Potto	<i>Arctocebus aureus</i>
	Angwantibo	<i>Arctocebus calabarensis</i>
	Grey Slender Loris	<i>Loris lydekkerianus</i>
	Slender Loris	<i>Loris tardigradus</i>
	Potto	<i>Perodicticus potto</i>
	False Potto	<i>Pseudopotto martini</i>
Pitheciidae	Titi	<i>Callicebus</i> spp.
	Bearded Saki	<i>Chiropotes</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Saki	<i>Pithecia</i> spp.

B. Reptilia dan Amfibia

Famili	Nama Tempatan	Spesies
Pythonidae	Ular Sawa	<i>Python reticulatus</i>
	Blood Python	<i>Python curtus</i>
	Burmese Python	<i>Python molurus bivittatus</i>
	Ball Python	<i>Python regius</i>

Agamidae	Sesumpah Tanduk	<i>Acanthosaura armata</i>
	-	<i>Acanthosaura crucigera</i>
	Sesumpah Tanpa Telinga	<i>Aphanotis fusca</i>
		<i>Calotes emma emma</i>
	Sesumpah Kuning	<i>Calotes versicolor</i>
	-	<i>Draco blanfordii</i>
	-	<i>Draco maculatus</i>
	-	<i>Draco melanopogon</i>
	Cicak Terbang Lima Jalur	<i>Draco quinquefasciatus</i>
	Cicak Kobin	<i>Draco sumatranus</i>
	-	<i>Gonocephalus bellii</i>
	-	<i>Gonocephalus chamaeleontinus</i>
	-	<i>Gonocephalus doriae abbotti</i>
	Cicak Kepala Segi Besar	<i>Gonocephalus grandis</i>
	-	<i>Gonocephalus liogaster</i>
	-	<i>Gonocephalus robinsonii</i>
	<i>Leiolepis belliana</i>	
	<i>Leiolepis triploida</i>	
Boidae	Boas	<i>Boa</i> spp. (kecuali subspesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
Chamaeleonidae	-	<i>Bradypodion</i> spp.
	-	<i>Brookesia</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	-	<i>Calumma</i> spp.
	-	<i>Chamaeleo</i> spp.
	-	<i>Furcifer</i> spp.
Dibamidae	-	<i>Dibamus booliati</i>
	-	<i>Dibamus tiomanensis</i>
Gekkonidae	-	<i>Aeluroscalabotes felinus</i>
	-	<i>Cnemaspis nigridius</i>
	-	<i>Cyrtodactylus consobrinus</i>
	-	<i>Cyrtodactylus peguensis</i>
	Cicak Belang	<i>Cyrtodactylus pulchellus</i>
	Cicak Jari Bengkok	<i>Cyrtodactylus quadrivirgatus</i>
	Tokay	<i>Gekko gecko</i>
	-	<i>Gekko smithii</i>
	Serpent Island Gecko	<i>Cyrtodactylus serpensinsula</i>
	Sticky-toed Geckos	<i>Hoplodactylus</i> spp.
	-	<i>Naultinus</i> spp.
	-	<i>Phelsuma</i> spp.
-	<i>Uroplatus</i> spp.	
Iguanidae	Galapagos Marine Iguana	<i>Amblyrhynchus cristatus</i>
	—	<i>Conolophus</i> spp.
	—	<i>Iguana</i> spp.
	Coast Horned Lizard	<i>Phrynosoma coronatum</i>

Lacertidae	Balearic Lizard	<i>Podarcis lilfordi</i>
	Ibiza Wall Lizard	<i>Podarcis pityusensis</i>
Scincidae	-	<i>Sphenomorphus praesignis</i>
	-	<i>Sphenomorphus stellatus</i>
	Prehensile-tailed Skink	<i>Corucia zebrata</i>
	Orange-Throated Whiptail	<i>Aspidozelis hyperythra</i>
Geoemydidae	-	<i>Cyclemys dentata</i>
	Jelebu Siput Besar	<i>Malayemys macrocephala</i>
Trionychidae	Labi-labi Biasa	<i>Amyda cartilaginea</i>
	Labi-labi Melayu	<i>Dogania subplana</i>
Bufonidae	-	<i>Ansonia leptopus</i>
	Kodok Sungai Pulau Pinang	<i>Ansonia penangensis</i>
	Kodok Sungai Pulau Tioman	<i>Ansonia tiomanica</i>
	-	<i>Ingerophrynus kumquat</i>
Dicroglossidae	Katak Demam	<i>Limnonectes blythii</i>
	Katak Paya Tanah Gambut	<i>Limnonectes malesianus</i>
	-	<i>Limnonectes tweediei</i>
	Katak Paya Kecil	<i>Limnonectes paramacrodon</i>
Megophryidae	Katak Bertanduk Borneo	<i>Megophrys nasuta</i>
	Katak Tanduk Kecil	<i>Xenophrys aceras</i>
	-	<i>Xenophrys longipes</i>
Microhylidae	Katak Lekit	<i>Kalophrynus palmatissimus</i>
	-	<i>Kalophrynus robinsoni</i>
Ranidae	-	<i>Amolops larutensis</i>
	-	<i>Hylarana banjarana</i>
	Katak Sawah Hijau	<i>Hylarana erythraea</i>
	Katak Sungai Berbintik	<i>Hylarana picturata</i>
	Katak Anak Sungai Kesat	<i>Hylarana raniceps</i>
	Katak Batu Beracun	<i>Odorrana hosii</i>
	-	<i>Nyctixalus pictus</i>
Rhacophoridae	Katak Perang Berbintik	<i>Nyctixalus pictus</i>
	Katak Batu Beracun	<i>Odorrana hosii</i>
	-	<i>Polypedates colletti</i>
	Katak Terbang Wallace	<i>Rhacophorus nigropalmatus</i>
	-	<i>Rhacophorus pardalis</i>
	-	<i>Rhacophorus prominanus</i>
	-	<i>Rhacophorus reinwardtii</i>

C. Burung

Famili	Nama Tempatan	Spesies
Phasianidae	Ayam Hutan	<i>Gallus gallus</i>
Rallidae	Ruak-ruak	<i>Amaurornis phoenicurus</i>
Sturnidae	Tiong Mas	<i>Gracula religiosa</i>
Turdidae	Murai Batu	<i>Copsychus malabaricus</i>
Zosteropidae	Kelicap Kunyit	<i>Zosterops palpebrosus</i>
Anatidae	Bernier's Teal	<i>Anas bernieri</i>
	Baikal Teal	<i>Anas formosa</i>

	Cape Teal	<i>Anas capensis</i>
	Egyptian Goose	<i>Alopochen aegyptiacus</i>
	Ferruginous Duck	<i>Aythya nyroca</i>
	Red-breasted Goose	<i>Branta ruficollis</i>
	Coscoroba Swan	<i>Coscoroba coscoroba</i>
	Black-necked Swan	<i>Cygnus melanocoryphus</i>
	Jankwoski's Swan	<i>Cygnus columbianus</i>
	Black-billed Wood-Duck	<i>Dendrocygna arborea</i>
	Black-bellied Whistling Duck	<i>Dendrocygna autumnalis</i>
	Fulvous Whistling Duck	<i>Dendrocygna bicolor</i>
	White-faced Whistling Duck	<i>Dendrocygna viduata</i>
	African Pygmy Goose	<i>Nettapus auritus</i>
	White-headed Duck	<i>Oxyura leucocephala</i>
	Spur-winged Goose	<i>Plectropterus gambensis</i>
	Hartlaub's Duck	<i>Pteronetta hartlaubii</i>
	Comb Duck	<i>Sarkidiornis melanotos</i>
Fringillidae	Yellow-faced Siskin	<i>Carduelis yarrellii</i>
	Streaky-headed Seedeater	<i>Serinus gularis</i>
	White-rumped Seedeater	<i>Serinus leucopygius</i>
	Yellow-fronted Canary	<i>Serinus mozambicus</i>
	Island Canary	<i>Serinus canaria</i>
Ramphastidae	Saffron Toucanet	<i>Baillonius bailloni</i>
	Black-necked Aracari	<i>Pteroglossus aracari</i>
	Chestnut-eared Aracari	<i>Pteroglossus castanotis</i>
	Green Aracari	<i>Pteroglossus viridis</i>
	Red-breasted Toucan	<i>Ramphastos dicolorus</i>
	Keel-billed Toucan	<i>Ramphastos sulfuratus</i>
	Toco Toucan	<i>Ramphastos toco</i>
	Red-billed Toucan	<i>Ramphastos tucanus</i>
	Channel-billed Toucan	<i>Ramphastos vitellinus</i>
	Spot-billed Toucanet	<i>Selenidera maculirostris</i>
Cacatuidae	-	<i>Cacatua</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Gang-gang Cockatoo	<i>Callocephalon fimbriatum</i>
	-	<i>Calyptorhynchus</i> spp.
	-	<i>Eolophus roseicapillus</i>
Loriidae	-	<i>Chalcopsitta</i> spp.
	-	<i>Chamosyna</i> spp.
	-	<i>Eos</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	-	<i>Glossopsitta</i> spp.
	-	<i>Lorius</i> spp.
	Yellow-billed Lorikeet	<i>Neopsittacus musschenbroekii</i>
	Emerald Lorikeet	<i>Neopsittacus pullicauda</i>
	Plum-faced Lorikeet	<i>Oreopsittacus arfaki</i>

	Collared Lory	<i>Phigys solitarius</i>
	Dusky Lory	<i>Pseudeos fuscata</i>
	-	<i>Psitteuteles</i> spp.
	-	<i>Trichoglossus</i> spp.
	-	<i>Vini</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
Psittacidae	Bayan Serindit	<i>Loriculus galgulus</i>
	-	<i>Agapornis</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kelima Akta)
	-	<i>Alisterus</i> spp.
	Amazon Parrot	<i>Amazona</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Red-winged Parrot	<i>Aprosmictus erythropterus</i>
	Olive-shouldered Parrot	<i>Aprosmictus jonquillaceus</i>
	-	<i>Ara</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	-	<i>Aratinga</i> spp.
	Australian Ringneck	<i>Barnardius zonarius</i>
	Guaiabero	<i>Bolbopsittacus lunulatus</i>
	-	<i>Bolborhynchus</i> spp.
	-	<i>Brotogeris</i> spp.
	Burrowing Parakeet	<i>Cyanoliseus patagonus</i>
	-	<i>Coracopsis</i> spp.
	-	<i>Cyanoliseus</i> spp.
	-	<i>Cyanoramphus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	-	<i>Cyclopsitta</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Hawk-headed Parrot	<i>Deropteryx accipitrinus</i>
	Hahn's Macaw	<i>Diopsittaca nobilis</i>
	Electus Parrot	<i>Eclectus roratus</i>
	-	<i>Enicognathus</i> spp.
	-	<i>Forpus</i> spp.
	-	<i>Geoffroyus</i> spp.
	Short-tailed Parrot	<i>Graydidascalus brachyurus</i>
	-	<i>Hapalopsittaca</i> spp.
	Swift Parrot	<i>Lathamus discolor</i>
	Golden-plumed Conure	<i>Leptosittaca branickii</i>
	-	<i>Loriculus</i> spp.
	-	<i>Micropsitta</i> spp.
	-	<i>Myiopsitta</i> spp.
	Black-headed Conure	<i>Nandayus nenday</i>

	Amazonian Parakeet	<i>Nannopsittaca dachilleae</i>
	Tepui Parakeet	<i>Nannopsittaca panychlora</i>
	-	<i>Neophema</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Bourke's Parrot	<i>Neopsephotus bourkii</i>
	Kaka	<i>Nestor meridionalis</i>
	Kea	<i>Nestor notabilis</i>
	Blue Bonnet	<i>Northiella haematogaster</i>
	Red-bellied Macaw	<i>Orthopsittaca manilata</i>
	White-bellied Parrot	<i>Pionites leucogaster</i>
	Black-headed Parrot	<i>Pionites melanocephala</i>
	-	<i>Pionopsitta</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	-	<i>Pionus</i> spp.
	-	<i>Platycercus</i> spp.
	-	<i>Poicephalus</i> spp.
	-	<i>Polytelis</i> spp.
	Yellow-collared Macaw	<i>Primolius auricollis</i>
	-	<i>Prioniturus</i> spp.
	-	<i>Prosopeia</i> spp.
	-	<i>Psephotus</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	Mountain Parakeet	<i>Psilopsiagon aurifrons</i>
	Grey-hooded Parakeet	<i>Psilopsiagon aymara</i>
	-	<i>Psittacella</i> spp.
	Rose-ringed Parakeet	<i>Psittacula krameri</i>
	-	<i>Psittacula</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	-	<i>Psittaculirostris</i> spp.
	Grey Parrot	<i>Psittacus erithacus</i>
	Pesquet's Parrot	<i>Psittrichas fulgidus</i>
	Red-capped Parrot	<i>Purpureicephalus spurius</i>
	-	<i>Pyrrhura</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam Jadual Kedua Akta)
	-	<i>Tanygnathus</i> spp.
	-	<i>Touit</i> spp.
	Blue-bellied Parrot	<i>Triclaria malachitacea</i>

D. Serangga dan Araknida

Famili	Nama Tempatan	Spesies
Liphistiidae	-	<i>Liphistius</i> spp. (kecuali spesies yang termasuk dalam

		Jadual Kedua Akta)
Theraphosidae	-	<i>Chilobrachys</i> spp.
	-	<i>Coremiocnemis</i> spp.
	-	<i>Cyriopagopus</i> spp.
	-	<i>Haplopelma</i> spp.
	-	<i>Lampropelma violaceopes</i>
	-	<i>Lyrognathus robustus</i>
	-	<i>Phlogiellus</i> spp.
	-	<i>Phormingochilus</i> spp.
	-	<i>Poecilotheria</i> spp.
	-	<i>Selenocosmia</i> spp.
	Amula Red Rump Tarantula	<i>Aphonopelma albiceps</i>
	Chihuahua Rose-grey Tarantulla	<i>Aphonopelma pallidum</i>
	Pinktoe Tarantula	<i>Avicularia avicularia</i>
	-	<i>Brachypelma</i> spp.
Tetragnathidae	-	<i>Nephila</i> spp.
Scorpionidae	-	<i>Heterometrus</i> spp.
Buprestidae	-	<i>Catoxantha</i> spp.
	-	<i>Chrysochroa</i> spp.
	-	<i>Demochroa</i> spp.
	-	<i>Megaloxantha</i> spp.
	-	<i>Mormolyce</i> spp.
	-	<i>Stigmodera armata</i>
Cerambycidae	-	<i>Anoplophora birmanica</i>
	-	<i>Anoplophora elegans</i>
	-	<i>Anoplophora horsfieldi</i>
	-	<i>Anoplophora medenbachi</i>
	-	<i>Anoplophora longehisuta</i>
	-	<i>Anoplophora zonatrix</i>
	-	<i>Apriona elsa</i>
	-	<i>Apriona marcusina</i>
	-	<i>Apriona rixator</i>
	-	<i>Arctolamia cruciatus</i>
	-	<i>Actolamia fasciata</i>
	-	<i>Actolamia villosa</i>
	-	<i>Batocera lombokiana</i>
	-	<i>Batocera rosenbergi</i>
	-	<i>Batocera sumbaensis</i>
	-	<i>Combe brianus</i>
	-	<i>Cyriopalus wallacei</i>
	-	<i>Cheliadonium venereum</i>
	-	<i>Glenea</i> spp.
	-	<i>Nemophas tricolor</i>
Lucanidae	-	<i>Lamprima</i> spp.
Cicadidae	Riang-riang	<i>Ambragaeana ambra</i>
	Riang-riang Zamrut Hijau	<i>Angamiana floridula</i>
	Riang-riang Hantu	<i>Ayuthia spectabile</i>

	Riang-riang Merah Bersayap Putih	<i>Huechys sanguinea</i>	
	Riang	<i>Pomponia adusta</i>	
	-	<i>Pomponia imperatoria</i>	
Fulgoridae	-	<i>Aphaena aurantia</i>	
	-	<i>Aphaena submaculata</i>	
	-	<i>Pyrops</i> spp.	
	-	<i>Scamandra sanguiflua</i>	
Danaiidae	-	<i>Danaus affinis</i>	
	-	<i>Idea hypermnestra</i>	
	-	<i>Idea jasonia</i>	
	-	<i>Idea leuconoe</i>	
	-	<i>Idea lynceus</i>	
	-	<i>Idea stolli</i>	
Nymphalidae	-	<i>Agatasa calydonia</i>	
	-	<i>Charaxes</i> spp.	
	-	<i>Enispe intermedia</i>	
	-	<i>Kallima paralekta</i>	
	-	<i>Polyura eudamippus</i>	
	-	<i>Polyura schreiber</i>	
	-	<i>Prothoe franck</i>	
	-	<i>Zeuxidia aurelius</i>	
Papilionidae	-	<i>Chilasa agestor</i>	
	-	<i>Graphium empedovana</i>	
	-	<i>Meandrusa payeni</i>	
	-	<i>Lamproptera curius</i>	
	-	<i>Lamproptera meges</i>	
	-	<i>Ornithoptera</i> spp.	
	-	<i>Papilio mahadeva</i>	
	-	<i>Papilio palinurus</i>	
	-	<i>Trogonoptera brookiana</i>	
	-	<i>Troides</i> spp.	
		Sri Lanka Rose	<i>Atrophaneura jophon</i>
		Malabar Rose	<i>Atrophaneura pandiyana</i>
		Bhutan Swallowtails	<i>Bhutanitis</i> spp.
	Apollo Butterfly	<i>Parnassius apollo</i>	
	Kaiserihinds	<i>Teinopalpus</i> spp.	
	Birdwing Butterflies	<i>Trogonoptera</i> spp.	
Hymenopodidae	Mentadak Orkid	<i>Hymenopus coronatus</i>	
Mantidae	Mentadak Daun	<i>Deroplatys</i> spp.	
	-	<i>Theopompa</i> spp.	
	-	<i>Paratoxodera cornicollis</i>	
	-	<i>Theopropus elegans</i>	
	-	<i>Parhymenopus davidsoni</i>	
Gryllacrididae	Cengkerik Raksasa	<i>Gryllacris</i> spp.	
Bacillidae	-	<i>Heteropteryx dilatata</i>	
Heteronemiidae	Serangga Ranting Bersayap	<i>Phaenopharos struthioneus</i>	

	Merah Kecil	
Phasmatidae	-	<i>Tagesoidea nigrofasciata</i>
	-	<i>Eurycnema versirubra</i>
	-	<i>Extatosoma tiaratum</i>
Phyllidae	Serangga Daun	<i>Phyllium pulchrifolium</i>
	Serangga Daun Besar	<i>Phyllium giganteum</i>

Lampiran 5

Senarai Penyakit Wajib Lapor

- 1 African horse sickness
- 2 African swine fever
- 3 Anaplasmosis
- 4 Anthrax
- 5 Atrophic rhinitis
- 6 Aujeszky's disease (Pseudorabies)
- 7 Avian chlamydiosis (Psittacosis-Ornithosis)
- 8 Avian encephalomyelitis
- 9 Avian infectious bronchitis
- 10 Avian leucosis
- 11 Avian mycoplasmosis
- 12 Avian salmonellosis
- 13 Avian spirochaetosis
- 14 Babesiosis
- 15 Blackleg
- 16 Blackquater
- 17 Bluetongue
- 18 Botulism
- 19 Bovine leukosis (Enzootic bovine leukosis)
- 20 Bovine spongiform encephalopathy (BSE)
- 21 Bovine viral diarrhoea
- 22 Brucellosis
- 23 Campylobacteriosis
- 24 Caseous lymphadenitis
- 25 Classical swine fever
- 26 Colibacillosis
- 27 Contagious agalactia
- 28 Contagious bovine pleuropneumonia
- 29 Contagious caprine pleuropneumonia
- 30 Contagious equine metritis
- 31 Contagious ophthalmia
- 32 Contagious pustular dermatitis
- 33 Cysticercosis
- 34 Dermatophilosis
- 35 Dourine
- 36 Duck virus enteritis
- 37 Duck virus hepatitis
- 38 Eastern equine encephalomyelitis
- 39 Ebola disease
- 40 Echinococcosis
- 41 Enterotoxaemia
- 42 Enterovirus encephalomyelitis
- 43 Epizootic Lymphangitis

- 44 Equine coital exanthema
- 45 Equine encephalomyelitis
- 46 Equine herpes virus (Type 1 & 4)
- 47 Equine infectious anemia
- 48 Equine piroplasmosis
- 49 Equine rhinopneumonitis
- 50 Equine influenza
- 51 Equine viral arteritis
- 52 Foot and mouth disease
- 53 Foot-rot
- 54 Fowl cholera
- 55 Fowl pox
- 56 Fowl typhoid
- 57 Glanders and farcy
- 58 Goat pox
- 59 Hanta virus disease
- 60 Haemorrhagic septicaemia
- 61 Heartwater disease
- 62 Hendra virus disease
- 63 Highly pathogenic avian influenza (Fowl plague)
- 64 Horse mange
- 65 Horse pox
- 66 Ibaraki disease
- 67 Infectious bovine rhinotracheitis
- 68 Infectious bursal disease (Gumboro disease)
- 69 Infectious coryza
- 70 Infectious laryngotracheitis
- 71 Japanese encephalitis
- 72 Jembrana
- 73 Johne's (Paratuberculosis)
- 74 Leishmaniosis
- 75 Leptospirosis
- 76 Listeriosis
- 77 Lumpy skin disease
- 78 Maedi-visna
- 79 Malignant Catarrhal Fever
- 80 Marburg disease
- 81 Marek's disease
- 82 Melioidosis
- 83 Myxomatosis
- 84 Nairobi sheep disease
- 85 New world screwworm
- 86 Newcastle disease
- 87 Nipah virus disease (Viral encephalitis)
- 88 Old world screwworm
- 89 Ovine chlamydiosis
- 90 Peste des petits ruminants

- 91 Porcine cysticercosis
- 92 Porcine dermatitis and nephritis syndrome (PDNS)
- 93 Porcine reproductive and respiratory syndrome (PRRS)
- 94 Post weaning multisystemic syndrome (PMWS)
- 95 Pullorum disease
- 96 Pulmonary adenomatosis
- 97 Q fever
- 98 Rabbit haemorrhagic disease
- 99 Rabies
- 100 Rift Valley fever
- 101 Rinderpest
- 102 Salmonellosis
- 103 Scrapie
- 104 Sheep mange
- 105 Sheep pox
- 106 Strangles
- 107 Streptococcosis
- 108 Surra
- 109 Swine erysipelas
- 110 Swine vesicular disease
- 111 Theileriosis
- 112 Toxoplasmosis
- 113 Transmissible gastroenteritis
- 114 Trichinellosis
- 115 Trichomonosis
- 116 Tuberculosis
- 117 Tularaemia
- 118 Ulcerative lymphangitis
- 119 Venezuelan equine encephalitis
- 120 Vesicular stomatitis
- 121 Vibriosis
- 122 West Nile fever
- 123 Western equine encephalomyelitis
- 124 Yersiniosis